

## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

### Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.

Diuruskan oleh:



Diedarkan oleh:



Tarikh: \_\_\_\_\_

### 1. Apakah Penulisan Wasiat?

#### Penulisan Wasiat Islamik (Muslim)

Wasiat ialah satu iqrar atau pengisyitiharan sah yang dibuat semasa hayat seseorang berkenaan pengagihan harta selepas kematiannya. Di bawah undang-undang Islam, seorang Muslim dibenarkan untuk mewasiatkan sehingga sepertiga (1/3) daripada hartanya kepada orang tersayang (sama ada Muslim atau bukan Muslim) atau untuk tujuan amal, selagi ia mematuhi prinsip Syariah.

#### Penulisan Wasiat Bukan Muslim

Wasiat ialah dokumen sah yang dibuat semasa hayat seseorang untuk menyatakan bagaimana harta beliau harus diagihkan selepas kematiannya, sama ada untuk kebajikan, orang tersayang, atau tujuan lain yang dibenarkan kepada beneficiari beliau. Ia mencerminkan hasrat terakhir beliau dan akan dilaksanakan oleh pemegang amanah serta mahkamah. Wasiat Bukan Islam membolehkan seseorang individu mengatasi Akta Pembahagian 1958 dan menetapkan cara harta diagihkan kepada beneficiari pilihan mereka.

#### Konsep Syariah yang digunakan bagi Penulisan Wasiat Islamik (Muslim)

##### Wakalah

Bank menggunakan kontrak Wakalah yang bermaksud penyerahan tanggungjawab yang ada pada seseorang (muwakkil) kepada seseorang yang lain (wakil) agar wakilnya itu menguruskan segala tanggungjawab yang diwakilkan bagi pemasaran perkhidmatan ini.

##### Wasiyyah

Wasiat merupakan iqrar seseorang yang dibuat semasa hayatnya ke atas asetnya untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas berlakunya kematian.

##### Kelayakan

- Individu yang sempurna akal fikiran dan waras serta memenuhi kelayakan umur seperti berikut:

	Penulisan Wasiat Islamik (Muslim)	Penulisan Wasiat Bukan Muslim
Semenanjung Malaysia dan Sarawak	18 tahun dan ke atas	18 tahun dan ke atas
Sabah	18 tahun dan ke atas	21 tahun dan ke atas

### 2. Ketahui Tanggungjawab Anda

#### Adalah tanggungjawab anda untuk:

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- Penulisan Wasiat untuk Wasiat Muslim / Bukan Muslim: RM500
- Fi Pindaan: Percuma melalui Portal WAES, tanpa mengira jumlah aset yang terlibat..
- Fi Pelaksanaan:

Aset (RM)	*Fi (%)
RM500,000.00 pertama	2.0%
Baki sehingga RM5,000,000.00	1.5%
Baki sehingga RM10,000,000.00	1.0%
Baki seterusnya	0.5%
Fi minimum adalah RM1,000.00	

##### \*Nota:

- Fi termasuk dengan caj SST
- Tidak termasuk fi pihak ketiga seperti LHDNM, Pejabat Tanah, fi guaman atau mana-mana institusi berkaitan.

#### Ilustrasi bagi Fi Pelaksanaan:

Nilaian harta: RM1,000,000.00

Nilai Harta	Fi (%)	Jumlah (RM)
RM500,000.00 pertama	2.0%	RM10,000.00
Baki sehingga RM5,000,000.00	1.5%	RM7,500.00
Jumlah keseluruhan yang perlu di bayar bagi pelaksanaan Wasiat dan Pentadbiran Harta Pusaka	RM17,500.00 + Fi Pihak Ketiga	



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatanganinya.



**Fi tambahan** seperti fi pelaksanaan wasiat dan pentadbiran harta pusaka akan dikenakan selepas kematian.



Pastikan salinan Wasiat disimpan di tempat yang selamat dan mudah di akses.



Maklumkan kepada MyAngkasa Amanah Berhad dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan peribadi yang boleh menjelaskan wasiat anda.

### 3. Ketahui Risiko Anda

- Terdapatnya kemungkinan bahawa waris tidak mengetahui kewujudan Wasiat oleh Pewasiat. Oleh itu, satu salinan Wasiat akan diberikan kepada Pelanggan sebagai simpanan.
- Untuk Wasiat Islamik (Muslim), pelaksanaan Wasiat kepada waris adalah bergantung kepada persetujuan daripada waris-waris yang lain.
- Pelanggan perlu melantik seorang penjaga untuk harta benefisiari yang berumur bawah 18 tahun dan ke bawah.

### 4. Apakah kelebihan Penulisan Wasiat?

- Membantu dalam mempercepatkan proses pentadbiran harta pusaka selepas kematian pewasiat melalui pelantikan Pelaksana/Wasi (MyAngkasa Amanah Berhad "MAAB") dan penyenaraian harta/aset dan/atau hutang pewasiat.
- Anda menyatakan hasrat tentang kaedah membahagikan harta pusaka anda untuk kebaikan, keluarga serta orang yang anda sayangi.
- Dapat menjamin kepentingan dan kebaikan anak-anak di bawah umur atau kurang upaya selepas kematian pewasiat melalui pelantikan Pelaksana/Wasi yang dipercayai/dilantik.

### 5. Terma-Terma Penting Lain

1. Untuk pemberian harta kepada benefisiari, produk ini berbeza mengikut Wasiat Muslim dan Wasiat Bukan Muslim:
  - i. Benefisiari untuk Wasiat Muslim – Pelanggan boleh menamakan benefisiari yang dikehendaki, tetapi masih tertakluk kepada persetujuan waris-waris Faraid dan undang-undang Faraid.
  - ii. Benefisiari untuk Wasiat Bukan Muslim – Pelanggan boleh meletakkan sesiapa sahaja sebagai benefisiari yang dikehendaki, dan ia 100% sah dan diterimakai di mahkamah.
2. Penulisan Wasiat boleh dibatalkan atau terbatal disebabkan perkara berikut:
  - i. Surat Rasmi daripada Pewasiat kepada (MyAngkasa Amanah Berhad "MAAB") memohon pembatalan Penulisan Wasiat. MAAB akan membatalkan pendaftaran Wasiat tersebut dan memulangkan dokumen Wasiat Asal kepada Pelanggan.
  - ii. **Pelupusan**  
Wasiat terbatal apabila pewasiat melupuskan Wasiat fizikal Asas dengan niat untuk membatalkan Wasiat tersebut sebelum Wasiat Asas sampai ke MAAB. Kemusnahan tanpa niat atau berniat jahat oleh pihak ketiga tidak akan membatalkan Wasiat tersebut.
  - iii. **Wasiat Terakhir**  
Pewasiat boleh membatalkan Wasiat dengan membuat surat rasmi berkaitan niatnya, dan dihantar kepada MAAB. Wasiat pertama akan terbatal secara rasmi apabila Wasiat berikutnya dibuat, sama ada pembatalan klausa termaktub atau tidak di dalam surat Wasiat tersebut. Dan jika pewasiat membatalkan Wasiat berikutnya, Wasiat tersebut akan terbatal secara automatik, sama ada klausa pembatalan dimasukkan dalam Wasiat kemudian atau tidak.
3. Jika anda ingin membuat pindaan Wasiat dan perubahan atau penambahan maklumat di dalam Wasiat boleh dibuat secara atas talian di <https://waes.com.my/> dan boleh terus menghubungi MAAB untuk mendapatkan maklumat lanjut.
4. Sebarang perubahan maklumat peribadi boleh dilakukan secara dalam talian melalui akaun peribadi Pelanggan di dalam sistem WAES.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Penulisan Wasiat anda, anda boleh:



Hubungi  
03-7887 5600 (MAAB)  
atau  
1-300-88-2476 (Agrobank)



Lawati  
[https://www.agrobank.com.my/my/  
product/surat-wasiat/](https://www.agrobank.com.my/my/product/surat-wasiat/)



E-mel  
[customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)



Imbas kod QR di  
atas

### Pengakuan Pelanggan\*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang akan anda tandatangani.



Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.



Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

\*Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjelaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat produk.

-----  
Nama:  
Tarikh: